

PAJAK GADAI ISLAM (AR-RAHNU) DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA

ROSAIDI MOHAMAD HASAN

20mg01001p@student.kuis.edu.my

NORZIAH OTHMAN

norziah@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Skim pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu merupakan salah satu alternatif perkhidmatan kewangan patuh syariah yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Bermula dari tahun 1992 dengan penubuhan Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), sektor industri pajak gadai Islam ini terus berkembang pesat sehingga ke hari ini. Penawaran kadar upah simpan yang rendah dan prosedur pengurusan yang telus telah menarik minat masyarakat di Malaysia untuk memilih menggunakan perkhidmatan pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu sebagai suatu kaedah pembiayaan cepat tunai yang berkonsepkan sandaran emas atau barangan berharga yang dimiliki oleh pelanggan. Setelah hampir 30 tahun pajak gadai Islam ini diperkenalkan, ia diharap mendapat perhatian dan penerimaan yang positif dalam kalangan masyarakat Malaysia. Justeru kertas kerja ini akan membincangkan kaedah pelaksanaan di samping isu serta cabaran yang berkaitan dengannya. Beberapa kajian sebelum ini dianalisis dapatannya berdasarkan kepada isu dan cabaran bagi melaksanakannya dalam kehidupan masyarakat hari ini. Kurangnya aktiviti promosi dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat telah dikenalpasti antara isu dan cabaran yang menyebabkan pajak gadai Islam ini kurang diterima sebagai pilihan pembiayaan kehidupan sedangkan kelebihannya sangat banyak dan berupaya membantu pembangunan sosio ekonomi negara.

Kata kunci : Pajak gadai Islam, Ar-Rahnu, Pembangunan sosio ekonomi.

1.Pendahuluan

Sektor pajak gadai Islam atau dikenali sebagai Ar-Rahnu di Malaysia telah berkembang pesat dan memberikan impak yang positif terhadap masyarakat dan sosio ekonomi negara. Perkembangan yang pesat dalam bidang Ar-Rahnu telah mendorong lebih banyak institusi perbankan, koperasi awam dan syarikat-syarikat kewangan menawarkan perkhidmatan ini. Kehadiran skim pajak gadai Islam ini telah menarik perhatian dan mendorong penyertaan masyarakat terutama golongan berpendapatan rendah (Azizah & Atikullah, 2019).

Pertumbuhan sektor Ar-Rahnu yang pesat daripada segi keuntungan dan manfaat yang boleh diperoleh oleh pelanggan telah menarik banyak organisasi untuk menawarkan produk seperti ini sebagai alternatif kepada pajak gadai konvensional (Nadiyah, Selamah, & Azizah, 2015). Justeru tidak hairanlah sehingga ke hari ini setiap negeri bahkan di setiap bandar dapat dilihat terdapat kedai pajak gadai Islam dan juga bank-bank tertentu yang menawarkan kemudahan Ar-Rahnu dalam operasi harian mereka. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nor Aishah, Yang Chik, dan

Muhammad Mukhlis (2017) mendapati keperluan perkhidmatan Ar-Rahnu semakin meningkat dipengaruhi oleh kesedaran umat Islam mengenai ketersediaan perkhidmatan tersebut serta faedah-faedah yang ditawarkan.

Perkembangan yang signifikan dalam bidang pajak gadai Islam dapat dilihat daripada bermulanya penubuhan Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) diikuti oleh Kedai Ar-Rahnu Permodalan Kelantan Berhad (PKB) dan beberapa institusi lain. **Jadual 1** menunjukkan kronologi kemunculan organisasi-organisasi yang menawarkan skim perkhidmatan Ar-Rahnu sebagai salah satu bidang operasi mereka.

Jadual 1: Senarai Pajak Gadai Islam Di Malaysia

Nama Pajak Gadai Islam	Tarik Bermula Operasi
Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT)	23 Januari 1992
Kedai Ar-Rahn PKB	12 Mac 1992
Bank Rakyat	21 October 1993
Koperasi Pengguna Islam Pahang	10 Jun 1996
Pajak Gadai Islam Perlis	10 Jun 1996
Bank Islam Malaysia Berhad	5 November 1997
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia	15 Sepembert 2000
Koperasi Badan Berkanun Berhad (KOKANUN)	23 Julai 2001
Kedai Ar-Rahnu Kelantan	12 Mac 2002
Agro Bank	8 April 2008

Sumber : Mohd Yahya, Muhammad Azhar, Azila, & Fidlizan (2016)

Bagaimanapun di sebalik kerancakannya dalam industri pajak gadai Islam, masih wujud halangan yang mengekang perkembangannya. Pelbagai masalah yang berlaku berpunca daripada aspek pengurusan, penerimaan masyarakat dan juga situasi persekitaran yang menghambat perkembangan industri pajak gadai Islam untuk menjadi pilihan utama masyarakat di Malaysia. Seperti mana yang dikupas oleh Nur Hidayatul, Salbiah, Nazimah, Rohaida, & Azman (2020) berdasarkan kajian yang dibuat, masih terdapat segelintir masyarakat yang masih ragu-ragu dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi pajak gadai Islam berbanding pajak gadai konvensional.

Permasalahan, isu dan cabaran yang dihadapi oleh pengendali perkhidmatan pajak gadai Islam akan dibincangkan dalam kertas kerja ini melalui hasil analisis dapatan kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini.

SOROTAN LITERATUR

Sejak dahulu lagi masyarakat di Malaysia terutamanya bangsa Melayu dan berpendapatan rendah di pedalaman sering mengunjungi kedai pajak gadai apabila mereka memerlukan wang dengan kadar segera. Keperluan mereka akan tertunai dengan syarat mereka perlu menggadaikan barang berharga yang dimiliki oleh mereka untuk mendapatkan pinjaman.

Perkhidmatan skim Ar-Rahnu bermula di Malaysia berasaskan kepada keperluan terhadap pajak gadai patuh Syariah memandangkan majoriti penduduk di Malaysia beragama Islam yang sering mencari alternatif pajak gadai yang tidak mengandungi

unsur riba. Ia dituntut oleh agama Islam sepertimana dalam Surah Al-Baqarah ayat 283 yang bermaksud:

Jika kamu dalam perjalanan (dan berurusanniaga secara hutang) sedangkan kamu tidak mempunyai seorang penulis, maka hendaklah kamu adakan suatu barang jaminan yang dipegang (oleh yang berpiutang). Akan tetapi jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain, maka hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanatnya (hutangnya) dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya; dan janganlah kamu (para saksi) menyembunyikan persaksian. Dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya; dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Surah Al-Baqarah ayat 283

Berdasarkan kepada ayat Al-Quran tersebut maka idea penubuhan sistem pajak gadai Islam adalah bertujuan membantu golongan muslim dalam mencari institusi pinjaman patuh syariah (Nik Hadiyan, Salina & Adewale, 2016). Para ilmuwan, agamawan, pengamal dan pihak berkepentingan menyokong serta mengiktiraf penubuhan institusi pajak gadai Islam disebabkan oleh masyarakat mulai memahami keperluan dan kepentingan perkhidmatan-perkhidmatan yang patuh kepada syariah (Nor Aishah, Yang Chik, & Muhammad Muklis, 2017). Sistem pembelajaran di peringkat sekolah juga menjadi pemangkin kepada pengetahuan masyarakat terhadap sistem kewangan dan kemudahan yang patuh syariah dalam rujukan subjek perniagaan dan perdagangan.

Justeru bukan sesuatu yang asing lagi jika terdapat ramai pengkaji yang mengkaji kepentingan sistem Ar-Rahnu di Malaysia pada masa kini. Kajian yang dilakukan oleh Najdah, Nurul Syazwani, Adida, Asmawati, dan Rubiah (2015) menyatakan pajak gadai Islam menjadi pilihan utama masyarakat di Terengganu berbanding pajak gadai konvensional.

Kajian-kajian yang dibuat adalah untuk membantu dan mengesahkan bahawa sistem Ar-Rahnu yang dipraktikkan di Malaysia patuh kepada syariah dan undang-undang sedia ada. Ahmad Faizal, Muhammad Firdaus dan Mohd Sham (2017) menyatakan sistem Ar-Rahnu yang dipraktikkan dianggap sebagai produk patuh syariah serta bebas daripada unsur-unsur terlarang dalam Islam seperti *riba* (bunga), *gharar* (ketidakpastian), dan *maysir* (perjudian). Kajian lain yang dilakukan oleh Luqman dan Muhammed Kabiru (2018) mengkhususkan kepada bagaimana sistem Ar-Rahnu diaplikasikan dalam institusi-institusi di Malaysia dan juga isu-isu berkaitan syariah untuk memastikan objektif penubuhan tidak bercanggah dengan hukum.

METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini dihasilkan berdasarkan kajian literatur yang menyoroti penulisan, laporan serta hasil kajian lepas yang didapati melalui pencarian sumber di *Google Scholar*. Pada peringkat awal kajian, carian hanya menfokuskan kepada skop kajian di Malaysia sahaja dan hanya menggunakan kajian yang diterbitkan dalam 5 tahun ke belakang (2015-2020). Untuk mendapatkan artikel, jurnal dan kajian yang diterbitkan maka kata kunci “Ar-Rahnu”, “Pajak Gadai Islam” dan “*Islamic Pawnbroking*”


digunakan dalam pencarian tersebut. Terdapat 26 artikel jurnal yang dijumpai setelah melalui proses pengkelasan.

Dalam menghasilkan kertas kerja ini, metod yang digunakan adalah melibatkan sorotan data sekunder secara kuantitatif yang diperoleh melalui dokumen, hasil kajian dan penulisan yang telah disaring mengikut kelas tertentu. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara sistematik kandungannya dan dipersembahkan melalui gambarajah tertentu.

ANALISIS DAN KEPUTUSAN TINJAUAN KEPUSTAKAAN

Analisis Deskriptif


Berdasarkan analisis yang dilakukan terdapat 26 artikel jurnal yang diterbitkan dari tahun 2015 sehingga tahun 2020 berkaitan Ar-Rahnu di Malaysia dan pecahan jumlah terbitan berdasarkan tahun boleh dilihat seperti **Rajah 1**.



Rajah 1 : Jumlah Terbitan mengikut Tahun.

Jumlah terbitan artikel dan jurnal pada tahun 2015 berkaitan Ar-Rahnu adalah sebanyak 4 menurun kepada 3 pada tahun berikutnya. Manakala pada tahun 2016 terdapat peningkatan iaitu sebanyak 6 dan menurun semula pada tahun 2018 dengan 4 artikel jurnal dihasilkan. Pada tahun 2019 penurunan dicatatkan lagi iaitu sebanyak 2 namun pada tahun 2020 penghasilan artikel jurnal berkaitan pajak gadai Islam mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak 7.

Artikel jurnal yang dikumpulkan ini dapat dikelaskan mengikut pecahan beberapa zon iaitu Zon Utara yang terdiri daripada negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Zon Tengah pula terdiri daripada negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Manakala Zon Selatan terdiri daripada Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor. Zon Timur pula terdiri daripada negeri Pahang, Terengganu, dan Kelantan. Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan diletakkan di bawah Zon Borneo. Hasil analisis terhadap artikel jurnal yang dihasilkan mengikut demografi lokasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2**.




Rajah 2 : Demografi Lokasi Kajian di Malaysia berkaitan Ar-Rahnu

Penghasilan artikel jurnal yang diterbitkan berasaskan kepada penyelidikan mengikut negeri di zon-zon tertentu boleh dilihat berdasarkan rajah 2 diatas. Penyelidikan secara umum yang tidak terikat dengan mana-mana negeri menyumbang jumlah terbesar dalam terbitan artikel jurnal selama 5 tahun kebelakangan ini iaitu bersamaan 54% (14 artikel jurnal). Seterusnya terbitan yang kedua tertinggi adalah penyelidikan melibatkan Zon Timur iaitu sebanyak 15% atau 4 artikel jurnal. Kajian yang melibatkan negeri-negeri di Zon Tengah adalah sebanyak 11% atau bersamaan 3 artikel jurnal. Bagi Zon Utara pula hanya 2 kajian yang dibuat iaitu bersamaan 8%. Bagi kajian khas yang melibatkan campuran negeri-negeri di zon yang berbeza pula mencatatkan sebanyak 8% manakala tiada kajian melibatkan Zon Borneo bagi 5 tahun kebelakangan ini dicatatkan.

Kaedah Penyelidikan

Berdasarkan kepada 26 artikel jurnal yang dikumpulkan terdapat 3 jenis kaedah penyelidikan yang biasa digunakan dalam menghasikan kajian tersebut iaitu kuantitatif, kualitatif dan campuran kedua kaedah penyelidikan ini. Pembahagian kaedah penyelidikan yang digunakan dalam penghasilan artikel jurnal adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3**.



Rajah 3 : Kaedah Penyelidikan berkaitan Ar-Rahnu

Berdasarkan kepada **Rajah 3** analisis yang dilakukan mendapati banyak penyelidikan berkaitan Ar-Rahnu di Malaysia dihasilkan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu sebanyak 14 artikel jurnal berbanding 8 artikel jurnal yang menggunakan kaedah kuantitatif. Manakala kaedah campuran melibatkan kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif mencatatkan jumlah sebanyak 4 artikel jurnal dalam 5 tahun kebelakangan ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada 26 artikel jurnal yang telah dianalisis terdapat faktor dalaman dan luaran yang memberi kesan kepada pelaksanaan sistem Ar-Rahnu secara mapan di Malaysia. Faktor dalaman boleh dikelaskan kepada dua bahagian iaitu urus tadbir dan pelan strategik. Bagi faktor luaran pula perkembangan sistem pajak gadai Islam dipengaruhi oleh tahap kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap konsep Ar-Rahnu.

Urus Tadbir Pajak Gadai Islam

Penubuhan pajak gadai Islam pada awalnya didorong oleh faktor mendapatkan perkhidmatan pinjaman tunai berlandaskan Islam yang tidak melibatkan unsur *riba* dan penindasan. Menurut Luqman dan Muhammed Kabiru (2018) sistem pajak gadai Islam terbentuk hasil daripada kombinasi kontrak *wadiah yad dhamanah* (simpanan dengan jaminan), *ujrah* (upah), dan *qard hasan* (pinjaman). Namun menurut Ahmad Faizal, Muhammad Firdaus, dan Mohd Sham (2017), produk Ar-Rahnu telah dikritik hebat oleh para sarjana Islam kerana produk ini mencetuskan masalah syariah berkaitan *hiyal* (tipu hukum).

Konflik wujud dalam urus tadbir pajak Islam bermula sejak 1972 sehingga terbentuknya Akta Pajak Gadai yang diwartakan pada tahun tersebut. Pajak gadai Islam diatur secara berasingan mengikut institusi. Setiap institusi Ar-Rahnu diatur di bawah peraturan yang berbeza bersesuaian dengan jenis institusi tersebut (Nor Fadilah, Zurina, Nurul Wajhi, Shafina, & Wan Shahdila, 2015). Perbezaan ini mencetuskan

konflik di antara institusi-institusi pelaksana Ar-Rahnu di Malaysia. Konflik dan permasalahan pelaksanaan sistem Ar-Rahnu disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Nur Faakihina dan Rusni (2018) yang menyatakan beberapa kebimbangan mengenai praktik Ar-Rahnu pada masa kini.

Bagi mengatasi permasalahan dalam industri pajak gadai Islam, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil tindakan proaktif di mana Dokumen Polisi mengenai Ar-Rahnu telah dikeluarkan berkuatkuasa pada 1 Ogos 2019 iaitu perenggan 33 mengenai syarat penyerahan yang akan berkuatkuasa segera setelah penerbitan dokumen kebijakan tersebut (Siti Aishah & Nor Raihan, 2020). Tindakan ini dilihat wajar dan bijak kerana mampu mengatasi permasalahan yang wujud di sektor ini bahkan mampu menyumbang kepada pengukuhan ekonomi negara. Implikasinya daripada tindakan ini adalah sistem Ar-Rahnu mampu menjadi salah satu skim pinjaman tunai yang terbaik serta mampu melindungi masyarakat daripada transaksi gadaian yang mengelirukan.

Pelan Strategik berkaitan Ar-Rahnu

Isu dan cabaran seterusnya dalam menjadikan institusi pajak gadai Islam sebagai pilihan utama rakyat di Malaysia adalah berkaitan pelan strategik institusi-institusi pelaksanaan masing-masing. Institusi-institusi yang menawarkan perkhidmatan Ar-Rahnu di Malaysia dilihat tidak mempunyai sokongan pembangunan infrastruktur yang mana akan merencatkan perkembangan institusi tersebut. Kajian yang dibuat oleh Asiah dan Salmy (2017) menegaskan sokongan infrastruktur sangat diperlukan dalam perkembangan Ar-Rahnu. Cadangan struktur sokongan dua lapisan pengawasan iaitu di peringkat penyedia perkhidmatan Ar-Rahnu dan badan pengawal selia Ar-Rahnu iaitu perundangan, kepakaran tenaga kerja, operasional, sistem jaminan kualiti dan prasarana memastikan pelaksanaan perkhidmatan Ar-Rahnu berada pada tahap yang terbaik.

Sistem perkhidmatan Ar-Rahnu beroperasi dengan menawarkan kemudahan pinjaman tunai yang cepat, adil, telus, dan berdasarkan prinsip syariah (Azizah & Atikullah, 2019). Namun pelaksanaannya menjadi tergendala apabila peraturan dan terma yang ditetapkan berbeza mengikut institusi-institusi pajak gadai Islam. Kajian yang dilakukan oleh Azlin dan Nor Syahirah (2020) mendapati institusi atau bank yang menawarkan skim Ar-Rahnu membataskan barang-barang gadaian tertentu seperti barangan kemas sahaja berbanding aset berharga yang lain. Penerimaan aset gadaian yang terbatas pada emas sahaja ini menyebabkan timbul kesulitan kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan kewangan namun tidak memiliki emas seterusnya menghadkan keuntungan organisasi itu sendiri.

Selain daripada itu terdapat permasalahan yang lebih serius yang melibatkan kualiti perkhidmatan dan promosi yang diberikan kepada pelanggan oleh penyedia perkhidmatan. Perkara ini bukanlah hal yang boleh dianggap ringan kerana ianya melibatkan kepuasan hati pelanggan di mana hanya pelanggan yang mampu meneruskan kelangsungan operasi sesebuah institusi tersebut. Kajian oleh Juliza, Zainal, Astri dan Mohd Ehsan (2020) membuktikan kualiti perkhidmatan yang tidak mencukupi dan rendah, faedah produk dan kurang kewajipan agama menyebabkan penerimaan produk perbankan Islam yang rendah. Pelan pemasaran yang kurang menekankan promosi yang menarik menyebabkan pajak gadai Islam kurang mendapat

perhatian daripada para pelanggan (Mohd Yahya, Muhamad Azhar, Azila, & Fidliza, 2016).

Oleh itu, industri pajak gadai Islam perlu peka kepada masalah ini dan menanganinya oleh kerana kelebihan yang dimiliki. Kadar upah simpan yang rendah berupaya menarik minat pelanggan untuk menggunakan perkhidmatan ini dan Ar-Rahnu juga memiliki pekerja mahir yang dapat memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan mereka dengan bantuan teknologi inovasi terkini (*fintech*) (Nik Hadiyan, Mohd Zaidi, Salina, & Nurhafiza, 2020). Kelebihan-kelebihan ini perlu dipromosikan secara meluas supaya masyarakat sedar masih ada institusi pajak gadai yang menjaga kebajikan pelanggan dengan menawarkan perkhidmatan yang menarik.

Kefahaman Masyarakat terhadap Pajak Gadai Islam

Institusi pajak gadai patuh Syariah bukan sesuatu yang baharu di Malaysia namun masih ada segelintir masyarakat yang tidak memahami peranan dan impak organisasi ini kepada masyarakat. Isu ini diketengahkan dalam kajian yang dilakukan oleh Nik Hadiyan et al. (2020) yang mendapati pelanggan menganggap syarat pematuhan Syariah tidak begitu penting dan tidak menghalangi mereka untuk mendapatkan wang tunai segera daripada pajak gadai konvensional. Pelanggan yang menggunakan perkhidmatan ini juga hanya mahukan pinjaman tanpa mengetahui prinsip asas perbezaan pajak gadai Islam dan pajak gadai konvensional.

Sistem pajak gadai sangat terkenal dalam kalangan golongan berpendapatan rendah yang memerlukan wang dengan kadar segera di Malaysia. Faktor yang paling berpengaruh adalah kemudahan mendapatkan wang tunai dengan pantas, sikap kakitangan dan baharulah sistem patuh syariah (Najdah, Syahrul, Nurul Syazwani, Adida, Asmawati, & Rubiah, 2015). Hal ini membuktikan bahawa masyarakat kurang menitikberatkan kepentingan mekanisme perkhidmatan patuh syariah sedangkan sebagai muslim kita dituntut untuk mengutamakan perkhidmatan patuh Syariah. Seharusnya masyarakat Islam di Malaysia mengikuti aturan dalam bermuamalat seperti yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad SAW berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Muslim, Ahmad, Nasa'i dan Ibnu Majah

(Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW pernah membeli bahan makanan dari seorang yahudi secara hutang, dan Baginda telah memberikan baju besi sebagai gadaian) (HR Bukhari & Muslim).

Daripada Aishah RA

Kefahaman masyarakat juga boleh ditingkatkan melalui pelaksanaan strategi campuran seperti elemen pemasaran produk, harga, tempat dan promosi digunakan dalam menyebarkan maklumat serta informasi yang bersesuaian (Mohd Yahya, Muhamad Azhar, Azila, & Fidlizan, 2016).

Penerimaan Masyarakat terhadap Perkhidmatan Ar-Rahnu

Perkembangan industri pajak gadai Islam di Malaysia sangat memberangsangkan dan dapat dilihat daripada pertambahan bilangan institusi yang menawarkan perkhidmatan tersebut. Ar-Rahnu telah menuju ke arah pertumbuhan dan perkembangan (Rafidah, Mohd Rizal, & Shifa, 2016). Perkhidmatan pajak gadai Islam yang dahulunya

ditawarkan oleh kerajaan negeri tertentu sahaja kini telah mendapat sambutan di kalangan institusi perbankan dan koperasi di negara ini. Institusi perbankan seperti Argobank, Bank Islam dan RHB Bank juga turut serta menawarkan perkhidmatan Ar-Rahnu pada masa kini.

Jumlah penyertaan atau pelanggan yang menggunakan perkhidmatan Ar-Rahnu didapati semakin meningkat saban tahun. Hal ini dibuktikan berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Azila, Fidlizan, Mohd Yahya, Zuraidah, & Fatimah (2017). Kajian tersebut mendapati terdapat hubungan antara aliran kemasukan kewangan dan penggunaan pembiayaan Ar-Rahnu seterusnya membantu meningkatkan kesejahteraan pelanggannya. Hasil kajian ini juga disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Juliza, Zainal, Astri, & Mohd Ehsan (2020). Kajian yang dilaksanakan di Selangor ini mendapati bahawa perkhidmatan Ar-Rahnu merupakan faktor dorongan utama dalam pemilihan pelanggan.

Perkembangan industri pajak gadai Islam juga dapat dilihat daripada pertambahan langganan Ar-Rahnu yang pesat berserta keuntungan yang diperoleh sehingga menarik minat banyak organisasi untuk menawarkan produk perkhidmatan seperti ini sebagai alternatif kepada pajak gadai konvensional (Nadiah, Selamah, & Azizah, 2015). Pertambahan bilangan penyedia perkhidmatan Ar-Rahnu dapat dilihat daripada kemunculan Pos Malaysia Berhad yang kini juga turut menyediakan perkhidmatan pajak gadai Islam sebagai salah satu perkhidmatan yang ditawarkan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kertas kerja ini membincangkan sistem pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) di Malaysia. Beberapa isu dan permasalahan yang berlaku dalam pelaksanaan pajak gadai patuh syariah ini juga turut dibincangkan dengan bersandarkan kepada kajian-kajian terdahulu lima tahun ke belakang (2015-2020). Kertas kerja ini hanya berfokuskan kepada kajian yang dilakukan di Malaysia dan isu yang berbangkit dalam operasi Ar-Rahnu di negara ini.

Kajian terperinci mengenai penerimaan dan permasalahan Ar-Rahnu banyak dilakukan di Zon Timur (Kelantan, Terengganu, dan Pahang) dan didapati tiada sebarang bentuk kajian yang dilakukan melibatkan masyarakat di Zon Borneo (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). Justeru, dicadangkan kepada para pengkaji akan datang untuk melakukan kajian berkaitan Ar-Rahnu di Zon Borneo kerana maklum balas yang dikumpulkan mampu menambahkan skop pandangan dan keputusan yang mungkin berbeza dengan dapatan kajian di Semenanjung Malaysia. Hal ini agak menarik untuk diterokai dan dikaji pada masa hadapan.

Perbincangan dalam kertas kerja ini hanya mengambil kira tempoh 5 tahun kebelakangan ini. Oleh itu kajian yang berterusan pada masa akan datang adalah disarankan terutamanya berikutan kesan daripada Pandemik Covid-19 yang melanda terutamanya sambutan terhadap sistem Ar-Rahnu di Malaysia.

RUJUKAN

Ahmad Faizal Mohd Shater, Mohammad Firdaus Mohammad Hatta, and Mohd Sham Kamis, (2017). The Attainment Of Classical Rulings Of Al-Rahn Within The Contemporary Islamic Pawn Broking In Malaysia. *ASEAN Comparative*

- Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, Vol. 1(2): 33-52.
- Asiah Alkharib Shah dan Salmy Edawati Yaacob, (2017). Pembangunan Infrastruktur Tadbir Urus Dan Pengawal Seliaan *Ar-Rahnu*. *Jurnal Pengurusan*, 50(2017): 97 – 109.
- Azila Abdul Razak, Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Zuraidah Zainol, and Fatimah Salwa Abd. Hadi, (2017). The Role Of *Ar-Rahn* In Enhancing Financial Inclusion: A Structural Equation Modeling Approach. *Jurnal Pengurusan* 50(2017): 97 – 109.
- Azizah Othman and Atikullah Abdullah, (2019). Al-Rahnu Development In Malaysia: A Case Of *Al-Rahnu* Institution Under The Terengganu Islamic Religious And Malay Customs Council. *International Journal of Islamic Business*, Vol. 4(1): 54-64.
- Azlin Alisa Ahmad dan Nor Syahirah Mohd Izazi,(2020). Risiko Penggunaan Barang Selain Emas Sebagai Aset Gadaian Dalam Pembiayaan *Ar Rahnu*. *Islamiyyat* 2020, Vol. 42(1): 65 - 74.
- Juliza Mohamed, Zainal Azhar Zainal Azim, Astri Yulia, and Mohd Ehsan Rajiain, (2020). Key Drivers Of Islamic Banking Acceptance In Selangor. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, Vol. 4(22): 110-115.
- KAMBARA Kentaro, (2018). The Role Of Islamic Collateral Loans (Ar-Rahnu) In The Malaysian Credit System: Evidence From Customer's Borrowing Behaviors. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies* (2018), 11: 109-127.
- Lokmanulhakim Hussain and Mohammad Mahbubi Ali, (2017). Shariah Non-Compliant Assets As Rahn (Pledge) In Islamic Banking Products: A Fiqh Perspective. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, Vol. 9(2): 196-199.
- Luqman Zakariyah and Mohammed Kabiru Musah, (2018). Examining The Legality Of Rahn Contracts In Malaysian Islamic Financial Institutions. *Journal of Islamic in Asia*, Vol. 15(2): 361-388.
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Muhamad Azhar Zulkepely, Azila Abdul Razak, and Fidlizan Muhammad, (2016). Marketing Mixed Strategy And Its Relationship In Islamic Pawning Products Selection At *Ar-Rahnu* Yapeim. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 2016, Vol. 6(11): 175-190.
- Nadiah Nabilah Binti Baharum, Selamah Maamor, and Azizah Othman, (2015). Examining The Factors That Influence Customer'S Intention To Use *Ar-Rahnu* At Post Office: A Case Study In Kedah. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, Vol.11(4)86-99.
- Najdah Abd Aziz, Syahrul Hezrin Mahmud, Nurul Syazwani Ahmad, Adida Muhammad, Asmawati@Fatin Najihah Alias, and Rubiah Abu Bakar, (2015). A Study Of The Attractiveness On Islamic Pawnbroking At *Ar- Rahnu* Maidam Kuala Terengganu. *1st International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2015)*: 443-454.
- Nik Hadiyan Nik Azman, Mohd Zaidi Md Zabri, Tajul Ariffin Masron, and Nurhafiza Abdul Kader Malim, (2020). The Adoption Of *Ar-Rahnu* And Financial Wellbeing Of Microentrepreneurs In Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 10(6): 36–53.
- Nik Hadiyan Nik Azman, Salina Kassim, and Adewalee Abideen Adeyemi, (2019). Analysing *Ar-Rahnu* In The Context Of Informal Credit Market Theory

- Evidence From Women Micro-Entrepreneurs In Malaysia. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, Vol. 10(2): 237-250.
- Nik Hadiyan Nik Azman, Salina Kassim, and Adewale Abideen Adeyemi, (2016). Role Of *Ar-Rahnu* As Micro-Credit Instrument In Achieving Financial Self-Sufficiency Among Women Micro-Entrepreneurs. *Intellectual Discourse, Special Issue (2016)*: 365–385.
- Nik Hadiyan Nik Azmanal , Mohd Zaidi Md Zabrib , Salina Hj. Kassimc , and Nurhafiza Abdul Kader Malima, (2020). Unleashing The *Ar-Rahnu* As A Micro-Financing Instrument For Micro-Entrepreneurs In Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 10(6): 183-196.
- Nor Aishah Mohd Ali, Yang Chik Johari, and Muhammad Mukhlis Abdul Fatah, (2017). *Ar-Rahnu: A Review Of Literature And Future Research. SHS Web of Conferences* 36.
- Nor Fadilah Bahari, Zurina Safii, Nurul Wajhi Ahmad, Shafina Fisal, and Wan Shahdila Shah Shahar, (2015). A Reviews On The Regulation And Conflicting Issues Of *Ar Rahnu* Operation In Malaysia. *International Conference on Management and Muamalah 2015*: 340-346.
- Nor Fadilah Bahari, Shafina Fisal, Wan Shahdila Shah Shahar, and Tajul Azli Shahadan, (2015). The Development Of Islamic Pawnbroking In Malaysia, Application And Its Challenges. *Proceedings of the International Conference on Economics and Banking 2015*: 231-238.
- Nur Faakihina and Rusni Hassana, (2018). Gap Analysis Between The *Rahn* Exposure Draft By Bank Negara Malaysia And *Rahn* Practice In Islamic Pawn Broking Institutions. *Journal of Islamic Finance*, Vol. 7(2): 61-69.
- Nur Hidayatul Solehah Osman, Salbiah Nur Shahrul Azmi, Nazimah Hussin, Rohaida Basiruddin, dan Azman Hashim, (2020). Persepsi Masyarakat Terhadap Pajak Gadai Islam (*Ar Rahnu*). *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, Vol 17(1): 70-78.
- Rafidah Mohd Azli, Mohd Rizal Palil, and Shifa Mohd Nor, (2016). Benefits-Sacrifices Exchange (Bsx) In Islamic Pawn Broking Transaction: An Exploratory Factor Analysis. *International Journal of Business, Economics and Law*, Vol. 10(1): 38-51.
- Rafidah Mohd Azli, Mohd Rizal Palil, and Shifa Mohd Nor, (2017). Effect Of *Ar-Rahnu* Relationship Value On Long-Term Relationship Between Customer And Institutions. *Jurnal Pengurusan* 49(2017): 127 – 139.
- Salimah Yahaya, (2020). Intrinsic Factors Affecting The Acceptance Of Muslim Small Entrepreneurs In Kelantan Towards *Ar-Rahnu*. *International Journal of Business and Society*, Vol. 21(2): 507-520.
- Siti Aishah Kasmon and Nor Raihan Abas, (2020). An Analysis On The Shariah And Operational Of *Ar Rahnu*: Post Announcement Of BNM *Rahn* Policy Document. *Journal of Islamic Economics and Law*, Vol. 1(2): 1-11.
- Wan Naimah Wan Daud, Profesor Madya Dr. Zakaria Bahari, dan Dr. Murni Yusoff, (2020). Analisis Perbandingan Terhadap Pelaksanaan *Ar-Rahnu* Di Bank Rakyat Dan Yapiem. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, Vol. 5(30): 115 - 124.